

19/09/2002

Parti politik tertentu diresapi ciri Khawarij

KUALA LUMPUR, Rabu - Fahaman Khawarij yang mengancam perpaduan umat Islam di negara ini sudah menular dalam parti politik tertentu dan pihak berkuasa termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) perlu memantau dan bertindak segera bagi mengelakkan ia daripada menggugat keamanan negara.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Abdul Monir Yaacob, berkata ciri Khawarij itu boleh dilihat di kalangan pihak tertentu yang mentakfir (mengkafirkan) orang Islam lain, pulau memulau dan melarang perkahwinan selain daripada golongan mereka.

Tanpa mahu menyatakan parti terbabit, beliau berkata Jakim perlu memantau perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya sebelum berleluasa.

"Ciri itu sudah ada dalam parti politik tertentu," katanya dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri pada seminar kebangsaan bertajuk 'Memahami Malaysia sebagai sebuah negara Islam' di Shah Alam semalam yang antara lain memberi amaran mengenai bahaya fahaman puak Khawarij, yang sepanjang sejarah Islam mencetus huru-hara dan sanggup bersubahat dengan musuh Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada pemerintahan Islam bebas daripada diganggu kumpulan itu, yang suka menolak keislaman orang Islam lain dan keislaman pemerintahan Islam sehingga musuh Islam mengambil kesempatan menewaskan umat Islam.

Seminar dua hari anjuran bersama kerajaan Selangor, IKIM dan Institut Perkembangan Minda (Inmind) itu dihadiri 300 peserta terdiri daripada wakil pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), parti pembangkang dan tokoh agama luar negara.

Abdul Monir berkata, pandangan Dr Mahathir mengenai ancaman puak Khawarij itu serta kupasan sejarah mengenai pemerintahan Islam serta kedudukan Malaysia sebagai negara Islam itu diterima baik sebahagian besar peserta seminar, termasuk peserta asing.

"Mereka setuju...kedudukan Malaysia sebagai negara Islam juga tidak dipertikaikan. Apa yang dibangkitkan hanyalah mengenai standard pelaksanaan hukum Islam," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata penentangan terhadap kerajaan di negara Islam membabitkan pelbagai golongan, termasuk pelampau dan pengganas agama, selain puak Khawarij.

Justeru, katanya, bahagian penyelidikan Jakim wajar membuat kajian bagi mengenal pasti siapa sebenarnya puak Khawarij itu.

"Ciri fahaman itu memang sudah ada di kalangan pihak tertentu," katanya yang juga enggan menamakan pihak dimaksudkan.